



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN SST PROJEK PEMBINAAN KUARTERS FLAT PERSEKUTUAN SABAH TINGKATKAN KEBAJIKAN PENJAWAT AWAM

KUALA LUMPUR – Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya, telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) bagi Projek Cadangan Meroboh dan Membina Semula Kuarters Flat Persekutuan KM4, Jalan Tuaran, Kota Kinabalu, Sabah.

2. Projek ini merupakan inisiatif strategik **Kementerian Kerja Raya (KKR)** dalam meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan penjawat awam di Negeri Sabah melalui penyediaan infrastruktur kuaters kediaman yang lebih berkualiti, selamat dan selesa.
3. Pembinaan semula kuarters baru serba lengkap ini merangkumi **216 unit Kuarters Flat Persekutuan** dengan **kemudahan surau, dewan serbaguna, tadika, taska serta ruang parkir yang mencukupi**. Projek oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia sebagai agensi teknikal pelaksana ini dijangka mengambil masa sekitar **42 bulan**. Bila siap kelak ianya akan memberi manfaat besar kepada penjawat awam yang bertugas di sekitar Kota Kinabalu terutama dalam membantu mengurangkan tekanan kos sara hidup.
4. Majlis ini turut menyaksikan penyerahan Surat Lantikan Pengarah Projek kepada Pasukan Projek Khas 2 (PPK2), JKR Malaysia sebagai langkah memperkuat tadbir urus projek agar pengurusan, pemantauan dan pengauditan dilaksanakan secara sistematik serta berintegriti dari awal hingga penyerahan siap.
5. Sebagai kementerian yang bertanggungjawab terhadap pembangunan infrastruktur negara, **KKR berperanan menetapkan dasar, hala tuju dan piawaian pelaksanaan projek**, termasuk memastikan perancangan, perolehan dan pelaksanaan mematuhi garis panduan kewangan serta standard teknikal yang ditetapkan Kerajaan. KKR juga memantau kemajuan projek secara berkala bagi memastikan ia siap mengikut jadual, kos dan kualiti yang telah ditetapkan.

6. Dalam konteks pelaksanaan, JKR Malaysia bertindak sebagai agensi teknikal yang mengurus reka bentuk, penyeliaan dan pelaksanaan pembinaan. Sejak tahun 2024 sehingga kini, sebanyak **24 SST** telah dikeluarkan bagi projek di bawah seliaan berkaitan, dan dalam tempoh dua bulan pertama tahun 2026 sahaja, **tiga (3) SST** telah dikeluarkan termasuk projek ini — mencerminkan komitmen berterusan KKR dalam mempercepat pelaksanaan projek demi manfaat rakyat.

7. Kerajaan melalui KKR akan terus memastikan setiap projek infrastruktur dilaksanakan secara profesional dan telus demi kesejahteraan rakyat. Usaha ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pembangunan mampan, berimpak tinggi dan berteraskan kebajikan rakyat.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA

3 MAC 2026

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#TangkasBertindak

#KerajaanMADANI

#MADANIbekerja